

**TEKS UCAPAN  
BRIGEDIER JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)  
DALAM  
ISTIADAT KONVOKESYEN KHAS  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS  
BERTEMPAT DI DEWAN 2020, KANGAR, PERLIS.  
PADA 17 MAC 2011**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**dan Salam 1Malaysia**

**Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Pengasih. Sesungguhnya segala pujian itu milik Allah (s.w.t) Pemerintah sarwa jagat. Seperangkat selawat dan salam diucapkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad (s.a.w.), para sahabat dan anggota keluarga Baginda.**

Menghadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail; Canselor Universiti Malaysia Perlis, dan Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil; Pro-Canselor Universiti Malaysia Perlis.

Ampun Tuanku, Sembah Patik Mohon Diampun.

Patik dan seluruh warga Universiti Malaysia Perlis merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga, atas perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku bercemar duli berangkat ke Istiadat Konvokesyen Khas Universiti Malaysia Perlis pada hari ini. Sukacita juga patik merakamkan ucapan setinggi-tinggi junjungan kasih kepada Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Canselor atas perkenan Tuanku mengurniakan Ijazah Kehormat Ulung Doktor Kejuruteraan kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Ijazah Kehormat Ulung Doktor Sains kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Adat Dipertahan, Menguja Rakyat,  
Tegap Bersampin, Persis Termasyhur,  
Berkat Kemuliaan, Raja Berdaulat,  
UniMAP Terpimpin, Perlis Tersohor.

Dirgahayu Tuanku, Dirgahayu Tuanku, Dirgahayu Tuanku.

Ampun Tuanku, Sembah Patik Mohon Diampun. Izini patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang dimuliakan dan penerima Ijazah Kehormat Ulung yang diraikan.

**(Salutasi – Encik Zuber mohon isi salutasi standard untuk istiadat ini – Terima kasih)**

Saya amat bersyukur kehadiran Allah Subhanahu wa ta'ala kerana akhirnya hasrat Universiti Malaysia Perlis yang telah sekian lama berakar dalam sanubari termakbul jua. Hari ini menjadi saksi terlaksananya istiadat penghormatan tertinggi menyalng di universiti ini. Pada hari yang mempunyai pengertian sejarahnya yang tersendiri ini menjadi saksi Universiti Malaysia Perlis buat julung kalinya menganugerahkan Ijazah Kehormat Ulung kepada dua orang insan. Insan-insan ini ialah insan-insan yang maha istimewa dalam ruang dan masa yang melingkungi hayat kita. Seorang daripada mereka ialah negarawan bergelar Bapa Pemodenan Malaysia. Seorang lagi, izini kami menggelar beliau Bonda Kesihatan Sosial Malaysia. Hari ini menjadi lebih istimewa kerana kedua-dua insan ini memberikan penghormatan kepada Universiti Malaysia Perlis kerana sudi menerima Ijazah Kehormat Ulung yang dianugerahkan.

Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi tersohor kerana dirinya yang kerap dikaitkan dengan bidang perubatan, politik, pendidikan, kepimpinan, ekonomi, pembinaan bangsa, hubungan antarabangsa, pembangunan dan pemodenan negara bangsa, penulisan dan sebagainya. Buku *The Malay Dilemma* yang diterbitkan dalam tahun 1970 memaparkan sikap dan pemikirannya yang berani berhadapan dengan kontroversi. Setelah memegang tampuk pemerintahan negara selama 22 tahun, Tun Dr. Mahathir menunjukkan cara dan pendekatan membina negara bangsa berasaskan pegangan, pemikiran dan keputusannya yang berbeza daripada norma dan kebiasaan tetapi ternyata dalam banyak hal berkesan. Tun Dr. Mahathir sanggup menjadi tidak popular, asalkan maruah diri, bangsa dan negara dapat dipertahan. Kesimpulan pegangan kepemimpinannya diserlahkan sendiri oleh Tun Dr. Mahathir lewat majalah *Asiaweek* bulan Mei 1997 apabila Tun menyebut bahawa “*You have to lead. You should be sensitive to what your followers think. But if you do exactly what they want, you’re not a leader.*” Inilah Tun Dr. Mahathir sehingga minda tidak sedar Dalina Ismail terdorong menulis buku *How To Think Like Mahathir* yang diterbitkan dalam tahun 2010.

Aura Tun Dr. Mahathir berupaya menarik minat puluhan penulis dari dalam dan luar negara mengungkapkan pujian, penghormatan, dan kritikan tentang cara gaya kepimpinan dan pemikiran beliau. Azman Ujang (dalam prakata buku *Mahathir: The Awakening* tulisan Govin Alagasari) menulis bahawa Tun Dr. Mahathir “*...not only an extraordinary politician but a Statesman the like of which they have rarely witnessed before.*” Rustam Sani (dalam prakata *Mahathir di Sebalik Tabir* tulisan Zainuddin Maidin) mengamati Tun Dr. Mahathir sebagai pengamat yang kritis, penerus dan pembaharu yang didorong bukan sahaja oleh “...ciri-ciri zamannya yang telah banyak mengalami perubahan,” tetapi perubahan itu “...berpunca daripada sikap, pandangan dan pendekatan Dr. Mahathir yang berbeza daripada perdana menteri yang mendahuluinya...”

Govin Alagasari menganggap dalam diri Tun Dr. Mahathir mempunyai paduan ahli politik, kaunselor, ahli falsafah dan pemimpin yang baik. Mantan Perdana Menteri

Britain, Margaret Thatcher pernah menyebut bahawa “...few leaders earn the title of statesman. But in Prime Minister Mahathir’s case, there is no doubt that the accolade has been won by his achievements.”

Yang Amat Berbahagia Tun dan para hadirin sekalian.

Jika bangsa dan negara berhutang budi kepada Tun Dr. Mahathir kerana pelbagai pegangan, pemikiran dan keputusannya, Universiti Malaysia Perlis menjadi bukti kesahihannya. Hari ini sekitar 500 orang tenaga akademik, 1,300 orang tenaga bukan akademik, 7,000 orang mahasiswa, lebih daripada 300 orang penuntut pascasiswazah dan lebih daripada 300 orang penuntut antarabangsa UniMAP berhutang budi kepada Tun Dr. Mahathir dan tindakan-tindakan afirmatif yang digagaskannya. Yang lebih mengujakan ialah sekitar 5,000 orang alumni peringkat diploma, ijazah sarjana muda kejuruteraan, ijazah sarjana dan ijazah doktor falsafah telah dilahirkan oleh UniMAP sebagai pembantu teknik, jurutera, usahawan, ahli perniagaan, ahli akademik dan sebagainya. Universiti Malaysia Perlis dan universiti-universiti teknikal yang lain tertubuh kerana ‘tanda tangan’ yang diturunkan oleh Tun Dr. Mahathir yang mahu melihat pendekatan baru pendidikan tinggi dalam bidang teknikal melalui latihan yang diintegrasikan antara teori dan kemahiran.

Pemikiran Tun Dr. Mahathir yang mahu meneruskan pembinaan negara dan negara bangsa dengan memanfaatkan sains dan teknologi bukanlah pemikiran baru yang hanya terkandung dalam teks *Malaysia: The Way Forward* yang kemudiannya dikenali sebagai Wawasan 2020. Seawal tahun 1982 teks-teks ucapan Tun Dr. Mahathir telah menggesa rakyat dan negara-negara serantau supaya mewujudkan sistem perkongsian sumber sains, meningkatkan kerjasama dalam sains dan teknologi, mengutamakan sains dan teknologi sebagai asas pembangunan, meningkatkan inisiatif pemindahan teknologi, menjadikan Malaysia sebagai pusat industri berteknologi tinggi, dan meningkatkan kualiti tenaga kerja, khususnya dalam bidang sains dan teknologi

supaya produktiviti negara meningkat dan berdaya saing di peringkat antarabangsa. Secara prinsipnya Tun Dr. Mahathir, semasa merasmikan Forum Sains Kebangsaan di Universiti Pertanian Malaysia pada 10 Mei 1983 berpendapat bahawa "...sains dan teknologi, dan seluruh spektrum ilmu mesti dibangunkan dan digunakan sebagai alat bagi memenuhi hasrat kita ke arah keamanan, kemakmuran, kesatuan dan keadilan untuk semua..."

Dalam era 1980-an dan 1990-an lahirlah idea dan dasar yang berkaitan dengan latihan tenaga kerja teknikal; Dasar Pandang ke Timur; industri sebagai jentera pertumbuhan; penubuhan Proton, Perodua dan Modenas; pengkorporatan Jabatan Telekom 1986 dan seterusnya diswastakan dalam tahun 1990; penubuhan Majlis Perniagaan Malaysia (MBC) yang mendorong penubuhan MIGHT (Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia untuk Teknologi Tinggi); pengenalan Peningkatan Penyelidikan dalam Bidang Utama (IRPA) yang menyediakan biaya yang besar untuk penyelidikan di universiti dan institut penyelidikan; Pelan Induk Perindustrian; Pelan Tindakan Teknologi; Akta Paten 1986; Akta Reka Bentuk Perindustrian; skim galakan mengikuti Pameran Geneva; penubuhan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC); insentif teknikal untuk meningkatkan kemampuan teknikal pekerja, pembangunan produk dan pembangunan dan penyelidikan (R&D); Program Pembangunan Vendor untuk memajukan SMI; penswastan dan penyenaiaan Tenaga Nasional Berhad (TNB); penubuhan Loji Tenaga Persendirian (IPP); pelancaran MEASAT I dan MEASAT II; Koridor Raya Multimedia dan banyak lagi.

Dan, saya percaya bahawa dengan kerangka pemikiran bertali seumpama inilah akhirnya Tun Dr. Mahathir secara strategik mudah mempersetujui idea penubuhan universiti teknikal untuk melatih lebih banyak jurutera dan pekerja teknikal berkemahiran tinggi yang tidak memerlukan *retooling* apabila keluar bekerja untuk menyokong dan mendokong Dasar Perindustrian Negara. Oleh sebab itulah, dengan segala jasa dan bakti yang tiada tara nilainya kepada bangsa dan negara, saya berpendapat bahawa anugerah Ijazah Kehormat Ulung ini bukanlah anugerah yang wajar ditimbang sama berat dengan jasa dan bakti yang dihulurkan, tetapi dalam bidang kuasa anggota Senat

universiti, inilah anugerah akademik yang tertinggi yang pernah disematkan dalam sejarah institusi pengajian tinggi negara kepada dua orang tokoh yang memang ulung pemikiran, sikap dan kepemimpinan mereka.

Yang Amat Berbahagia Tun dan para hadirin sekalian.

Hari ini Universiti Malaysia Perlis secara ikhlas mengucapkan jutaan terima kasih kerana Yang Amat Berbahagia Tun, melalui mesyuarat Jamaah Menteri, bersetuju menubuhkan kolej universiti teknikal pada 20 September 2000, dan bersetuju menubuhkan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM yang kini dinamai UniMAP) pada 25 Julai 2001. Sebagai tanda hormat akan keputusan besar yang dibuat dalam dasar pengajian tinggi, dan tanda penyambung semangat, kerja keras dan wawasan Yang Amat Berbahagia Tun, UniMAP kini telah berupaya menawarkan enam program peringkat diploma, sebanyak 21 program pengajian ijazah sarjana muda kejuruteraan (15 daripadanya telah memperoleh akreditasi), dan puluhan program peringkat sarjana sains dan program ijazah kedoktoran dalam pelbagai bidang kejuruteraan.

Meskipun pada peringkat awal penubuhannya UniMAP tidak digalakkan memberikan tumpuan pada aktiviti R&D, namun sehingga kini universiti yang ditubuhkan oleh Yang Amat Berbahagia Tun ini telah berupaya memperoleh RM32.7 juta geran penyelidikan daripada pelbagai sumber; kini sudah mula mendapat kepercayaan antarabangsa dengan meraih geran antarabangsa melalui sumbangan King Abdul Aziz City for Science and Technology (KASCT), Arab Saudi yang bernilai RM1.5 juta pada tahun lalu; dan sebanyak 324 hasil penyelidikan memenangi pingat dan 168 daripadanya memenangi pingat di peringkat antarabangsa termasuk dalam Pameran Geneva. Dalam *7th International Exhibition for Young Inventors* di Hanoi, Vietnam antara 16-18 Disember tahun lalu, mahasiswa UniMAP berjaya meraih

sebanyak enam pingat emas dan satu pingat gangsa dengan catatan 100% penyertaan memenangi pingat.

Secara keseluruhannya, universiti yang berusia sembilan tahun ini telah diiktiraf sebagai universiti Tier 4 atau universiti 'Sangat Baik' oleh penarafan SETARA yang dikendali Malaysian Quality Assurance (MQA), MyRA 2007-2009 mengiktiraf UniMAP sebagai universiti tiga bintang, sijil kewangan bertaraf tiga bintang, laman sesawang UniMAP pernah menduduki tempat yang ke-745 di dunia mengikut agensi penarafan Webometrics dalam kalangan 16,000 universiti di dunia, dan kadar kebolehpasaran siswazah UniMAP sudah mencapai purata 75% antara tahun 2006-2010.

Yang Amat Berbahagia Tun, sehingga kini demikianlah bunyi pencapaian UniMAP yang Yang Amat Berbahagia Tun lahirkan. Saya mengaku bahawa pencapaian ini bukanlah pencapaian yang terbaik, namun secara relatif, dalam usianya yang amat muda, UniMAP sudah mula menunjukkan daya saingnya yang menjanjikan keterlihatan yang menyerlah pada masa akan datang. Saya percaya dengan semangat, pemikiran, wawasan dan cara gaya kepemimpinan yang Yang Amat Berbahagia Tun contohkan, tenaga-tenaga muda yang membina Universiti Malaysia Perlis hari ini dan hari-hari seterusnya akan berupaya menjadikan universiti ini antara 500 buah universiti yang terbaik di dunia menjelang tahun 2020, insya-Allah. Dalam konteks inilah saya dengan rasa rendah diri memohon agar Yang Amat Berbahagia Tun dapat sentiasa menyuntik semangat baru, memberikan teguran dan nasihat, dan memimpin kami supaya universiti ini tersenarai sebagai universiti tersohor seperti tersohornya Yang Amat Berbahagia Tun pada mata dunia.

Terbit mentari di bumi harapan,

Langgam bahasa bukti wawasan,

Secubit budi menjadi impian,

Segenggam jasa menjadi kenangan.



Yang Amat Berbahagia Tun dan hadirin sekalian.

Tidak semarak matahari tanpa tenaga. Tidak terpisah cahaya daripada sinarnya. Tidaklah bernama mentari jika tidak disertai tenaga, cahaya dan sinarnya. Jika Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir matahari, siapakah Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali: tenaga, cahaya atau sinarnya?

Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Siti Hasmah pastinya mempunyai kekuatan yang tersendiri sehingga menjadikannya turut tersohor dalam lapangan yang diceburi. Dengan tenaga, ilmu, kompetensi dan cara gayanya yang tersendiri juga Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Siti Hasmah menciptakan sejarah gemilangnya yang eksklusif sebagai antara wanita Melayu pertama yang melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di King Edward VII College of Medicine, Singapura; wanita pertama yang dilantik sebagai Pegawai Perubatan di Bahagian Kesihatan Ibu Mengandung dan Kanak-kanak; dan wanita pertama dilantik sebagai Pegawai Kesihatan Negeri bagi Ibu Mengandung dan Kanak-kanak.

Berbekalkan ilmu, kemahiran dan kompetensinya sebagai doktor perubatan, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Siti Hasmah berupaya menjalankan tugas-tugas kemasyarakatan sebagai pengerusi, presiden, penasihat dan penaung pelbagai persatuan di samping menjadi Penasihat Utama Yayasan Pembangunan Masyarakat Kubang Pasu, ibu kepada tujuh orang anak dan isteri kepada Bapa Pemodenan Malaysia. Melalui persatuan-persatuan yang dipimpinnyalah Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Siti Hasmah menyalurkan ilmu dan keprihatinannya tentang peranan wanita, kesihatan wanita, perancangan keluarga, kawalan penyalahgunaan dadah dan buta huruf dalam kalangan orang dewasa dalam usahanya membantu negara meningkatkan kesejahteraan rakyat yang dipimpin suaminya. Melalui persatuan-persatuan yang dipimpinnyalah, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Siti Hasmah dapat menyelami masalah sebenar rakyat hingga ke akar umbi punca penyakit yang dialaminya. Kedekatan diri beliau dengan masyarakat dan rakyat, pada tanggapan saya, memberikan kelebihan

kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Siti Hasmah menyampaikan hasrat hati nurani masyarakat kepada Bapa Pemodenan Malaysia dalam era pemerintahannya.

Keprihatinannya kepada pendidikan anak bangsa tergambar melalui ucapan "...anak-anak perlu dipupuk dengan nilai-nilai dan kebudayaan Malaysia...[dan] diberi bimbingan dan didikan agama yang secukupnya supaya mereka tidak ketinggalan..." kepada isteri-isteri pegawai kanan kerajaan dalam tahun 1988. Dalam tahun 2009, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Siti Hasmah, dalam isu yang sama, menegaskan lagi bahawa *"...if there is even one child left behind, it is one child too many. For every child we leave behind, we leave generations more vulnerable to poverty, exploitation and lost opportunities"* semasa merasmikan suatu forum anjuran UNICEF dan Majlis Peguam. Menurut Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Siti Hasmah pendidikan menjadi lebih penting dan utama kepada negara kerana *"For any developing country, the young people became the main source of manpower...They will be the greatest asset which can help government fulfill their aspirations towards being a developed country through rapid industrial growth and developing a nation with high moral standards, discipline and productivity"* yang diucapkan dalam suatu program BAKTI di Universiti Islam Antarabangsa dalam tahun 1991. Dalam tanggapan saya, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Siti Hasmah menjadi penyambung lidah rasmi Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir dalam acara-acara berasingan yang dihadirinya. Begitulah caranya wanita pertama menyangga usaha-usaha suaminya membangunkan bangsa dan negara.

Dalam banyak ucapan dan aktiviti, didapati bahawa Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Siti Hasmah banyak menekankan keprihatinannya kepada aspek pendidikan anak dan generasi muda, kesihatan dan peranan wanita serta kesukarelawanan. Barangkali inilah yang menjadi aura sebenar Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Siti Hasmah sehingga berupaya melahirkan rasa kasih dan sayang rakyat kepadanya. Dengan kompetensinya sebagai doktor perubatan, di samping menyangga usaha-usaha suaminya membina bangsa dan negara dengan pendekatan yang mewujudkan 'gelombang-gelombang besar' dalam politik dalaman parti, dan situasi politik dan ekonomi di dalam dan di luar negara, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Siti Hasmah

berkomunikasi dengan masyarakat mengikut cara gayanya yang menatijahkan beberapa banyak pihak berasa selesa dan gembira berinteraksi dengannya, terutamanya apabila sentiasa disambut dengan senyuman dalam apa jua keadaan.

Lantaran keupayaan mental, sifat, sikap, keupayaan berinteraksi dan kesihatan pada umur semasanya, maka saya menyimpulkan bahawa Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Siti Hasmah wajar sekali diberi julukan **Bonda Kesihatan Sosial Malaysia**. Ciri-ciri ini amat menepati kriteria dan indikator kesihatan sosial yang tinggi pada individu seperti yang dibincangkan oleh Christy Rakoczy.

Ampun Tuanku.

Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata sekali lagi patik ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga kepada Duli Yang Teramat Mulia Tuanku berdua atas perkenan berangkat ke Istiadat Konvokesyen Khas yang sarat dengan sejarahnya yang tersendiri. Sesungguhnya keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku berdua amat besar makna dan ertinya buat patik sekalian. Mohon patik mengundurkan diri dengan lafaz:

Wabilahi Taufik wal Hidayah

والسلام عليكم ورحمة اللّٰه وبركاته